

10/01/1997

Kabinet senarai tugas menteri

ALOR STAR, Khamis - Kabinet semalam menyenaraikan tugas khas yang harus dibuat oleh menteri untuk memajukan ekonomi Malaysia, terutama bagi mengurangkan imbalan pembayaran dan mengawal inflasi.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad percaya beberapa tugas yang disenaraikan itu akan membantu membangunkan negara, meningkatkan eksport dan perdagangan, mengurangkan defisit imbalan pembayaran serta mengawal inflasi.

Antara tugas itu ialah merangka beberapa program baru serta menyambung program yang dirancang sebelum ini. Program yang turut membabitkan Menteri Besar dan Ketua Menteri itu akan dibincangkan lagi dalam mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno, Sabtu ini.

Menurut Perdana Menteri, tugas yang harus dilaksanakan oleh menteri itu akan memastikan kepesatan pembangunan negara berterusan pada tahun ini dan masa depan.

"Kerajaan mengenal pasti beberapa perkara yang pada pendapat kita jika diusahakan, dapat membantu pembangunan Malaysia dengan lebih pesat. Kita juga percaya 1997 akan menunjukkan kejayaan.

"Jika tidak lebih, ia mungkin menyamai 1996," kata beliau kepada pemberita selepas jamuan teh Barisan Nasional (BN) Kedah, di sini hari ini selepas melawat sehari ke kawasan pilihan rayanya, Kubang Pasu.

Hadir sama ialah Menteri Besar, Datuk Seri Sanusi Junid, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco), Ahli Dewan Undangan Negeri dan kira-kira 1,000 pemimpin BN Kedah.

Dr Mahathir bagaimanapun berkata, kerajaan tidak mahu menghebohkan perkara itu dan mengarahkan semua menteri tidak menghebahkannya secara terperinci. Program berkenaan adalah campuran beberapa perkara baru dan kesinambungan program yang dirancang sebelum ini.

Ditanya sama ada langkah itu kerana kerajaan tidak berpuas hati dengan program sebelum ini, Perdana Menteri menjelaskan, kerajaan menghadapi sedikit masalah mengenai imbalan pembayaran dan inflasi.

"Selain itu, kita ingin melihat rakyat memiliki kuasa membeli yang lebih melalui kawalan terhadap inflasi dan meningkatkan pendapatan per kapita supaya rakyat lebih makmur," katanya.

Sama ada beliau membincangkan pinjaman daripada Jepun ketika lawatan dua hari Perdana Menteri negara itu, Ryutaro Hashimoto, Dr Mahathir berkata ia tidak termasuk dalam perbincangan mereka.

"Kita tidak meminjam lagi daripada Jepun dan menghentikan pinjaman yen kerana nilai mata wang itu kerap meningkat.

"Walaupun nilainya menurun baru-baru ini, kita tidak ada keperluan meminjam dari luar negara kerana mempunyai bekalan wang yang cukup dalam pasaran," katanya.

Perdana Menteri juga berkata, kerajaan sudah membuat keputusan mengenai cadangan untuk mendenda mereka yang gagal menukar kad pengenalan kepada format baru yang tempohnya tamat 31 Disember lalu.

(END)